

DRAF TEKS UCAPAN

**YBHG PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

sempena

**MAJLIS PENUTUP
SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA SUKUM 36, UTeM 2011**

*17 Julai 2011 (Ahad), 2.35 petang
Dewan Besar UTeM*

1

Bismillahirrahmanirrahim
Assalammualaikum w.b.t , Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Terima Kasih Saudara/i Pengerusi Majlis

(A)SALUTASI

Y.Bhg. Datuk Omar bin Abd. Rahman
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pengajian Tinggi
mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) UTeM

2

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) UTeM

Y.Bhg. Eng. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni) UTeM
Merangkap Pengurus JK Pengelola Kejohanan SUKUM ke-36

Y.Bhg. Prof. Dr. Muhammad Ghazie Bin Ismail,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri Dan Masyarakat) UTeM

Wakil-wakil Naib Canselor
Dif-dif jemputan
Pegawai-pegawai Kanan Universiti
Ketua-ketua Kontinjen
Para atlet
Pihak media seterusnya warga UTeM sekalian

3

(B) PEMBUKA KATA

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul pada petang ini bagi menyempurnakan Majlis Penutupan Sukan Staf Universiti Malaysia, SUKUM ke 36.
2. Terlebih dahulu ingin saya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Y.Bhg. Datuk Omar bin Abd. Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pengajian Tinggi sebagai mewakili Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bagi menyempurnakan majlis perasmian penutup Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM) ke 36.
3. Majlis ini adalah kemuncak kepada Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia yang telah dimulakan pada 8 Julai yang lalu.

4

Saya amat bersyukur kerana semua atlet telah berjuang dengan sepenuh daya dan usaha dalam menjayakan kejohanan yang diadakan saban tahun ini. SUKUM merupakan salah satu platform untuk perkembangan sukan staf Universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

(C) ISI UCAPAN

4. Tahap kemajuan sesebuah masyarakat kerap kali dikaitkan dengan prestasi dan kecemerlangan dalam bidang sukan. Bagi masyarakat di negara maju, lazimnya pencapaian mereka dalam sukan adalah tinggi. Jelasnya secara langsung, kemajuan sedikit sebanyak mencerminkan sosio-ekonomi sesebuah negara.

5

5. Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk memaju dan memanfaatkan sukan dalam masyarakat, melalui usaha melahirkan bakat baru yang berpotensi, serta menggalakkan peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal. Dari sinilah lahirnya **Dasar Sukan Negara** bagi membentuk masyarakat yang aktif, sihat dan cergas melalui aktiviti-aktiviti sukan dan rekreatif fizikal, sejajar dengan usaha-usaha keseluruhan Kerajaan untuk mencapai objektif dan matlamat **Wawasan 2020**.
6. Penglibatan dalam bidang sukan membuat **tubuh badan kita sihat** seterusnya menyumbang kepada penghasilan akal fikiran yang sihat. Dan akal fikiran yang sihat akan menyumbang kepada kejayaan kita sebagai individu dan sebagai satu bangsa. Penglibatan secara aktif dalam kegiatan-kegiatan sukan akan

6

dapat **membina semangat daya juang, kecekalan serta melatih dalam mendisiplinkan diri**. Semangat kesukanan **mempunyai banyak pengajaran yang boleh membentuk peribadi** yang mulia yang menguntungkan diri dan masyarakat. Institusi Pengajian Tinggi secara amnya dan UTeM secara khususnya amat menggalakkan penglibatan staf masing-masing dalam aktiviti sukan sebagai salah satu wadah yang akhirnya membentuk sahsiah staf yang berupaya **melonjak diri, karisma serta meningkatkan keberhasilan produktiviti dalam kerjaya**.

Hadirin sekalian,

7. Sukan bukan sahaja dapat mengekalkan kesihatan fizikal malah membina **kekuatan mental** seperti mengawal emosi, fokus, menyusun strategi dan membina semangat berpasukan. Di sini

7

kita boleh melihat kekuatan mental mampu mempengaruhi corak permainan di samping kekuatan fizikal yang dimiliki. Selain itu **semangat kesukanan** yang tinggi di kalangan atlet juga dapat melatih diri para atlet untuk mempunyai minda yang terbuka dan sanggup menerima dan responsif kepada kepelbagai situasi. Sekiranya menang ataupun tewas dalam sesuatu pertandingan atlet dapat menerimanya dengan hati yang terbuka. Tidaklah timbul pelbagai konflik ataupun rasa tidak puas hati di kalangan atlet. Pertelingkahan di dalam permainan tidak harus terbawabawa hingga keluar padang.

8. Penglibatan staf IPTA merupakan suatu yang dituntut dalam mewujudkan budaya hidup sihat dan cergas yang mampu memberi **impak yang positif** kepada Universiti dalam **tempoh**

8

jangka panjang. UTeM selaku tuan rumah yang telah diberi mandat, dengan rasa besar hati membuka pintu mempelawa kontinjen dari kalangan ahli semua IPTA di Malaysia untuk bersama-sama berkampung di sini serta secara tidak langsung merasai keindahan warisan di Negeri Melaka Bersejarah. Pengurusan satu acara sukan yang begini besar tentulah tidak mudah. Justeru saya berharap agar saudara saudari semuanya selesa di sepanjang tempoh penganjuran kejohanan oleh UTeM.

D) PENUTUP KATA

9. Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas sokongan berterusan dalam menjayakan acara ini. Tidak dilupakan juga kepada Naib Canselor semua IPTA Malaysia, ketua-ketua pasukan

9

dan para atlet atas keterlibatan dan semangat kesukunan yang tinggi. **Setinggi penghargaan** juga kepada Jawatankuasa Pengelola, di bawah pimpinan Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman bersama pasukannya kerana telah banyak menyumbang jasa dan komitmen memastikan acara SUKUM 36 ini berjaya diadakan. Syabas ditujukan kepada semua pasukan yang telah berjaya!

*Dari Kedah ke pekan sari, Beli suasa di Kota Tinggi
Selesai sudah tugas diberi, Di lain masa bersua lagi*

*Buah selasih buah kelubi, Di dalam dulang hidangan pagi
Terima kasih daun keladi, bila di undang datanglah lagi*

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamua'laikum warahmatullahi wabarakatuh.

10